



MTEN tentukan data PADU boleh diguna pakai

Oleh Essa Abu Yamin - Mei 21, 2023 @ 6:48pm
essabuyamin@bh.com.my

PUTRAJAYA: Keputusan perlaksanaan peralihan dasar sosioekonomi daripada pendekatan berasaskan pendapatan B40, M40 dan T20 kepada berasaskan pendapatan boleh belanja bersih isi rumah sama ada boleh digunakan pakai atau tidak diserahkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk memutuskankannya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata, perkara berkenaan antara yang dibincangkan dalam mesyuarat MTEN dan menyerahkan kepada pihak MTEN untuk memutuskan pendekatan terbaik untuk rakyat.

"Selain itu, kerajaan telah memberi mandat kepada Pangkalan Data Utama (PADU) iaitu satu sistem penyelarasan data yang dijangka siap menjelang akhir hujung tahun ini.

"Kerajaan juga mengambil satu tempoh untuk melaksanakan perkara berkenaan dan memberi peluang kepada PADU untuk menyiapkan dan menyempurnakan tugasannya sehingga tempoh yang ditetapkan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Metrologi 2023 di IOI Mall Putrajaya di sini hari ini.

Terdahulu media melaporkan, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menyatakan peralihan berkenaan akan dilakukan secara berfasa dan dijangka bermula Januari 2024 berdasarkan PADU.

Jelas beliau, penubuhan PADU akan mempercepatkan peralihan kerajaan untuk membangunkan program dan inisiatif berpandukan kedudukan pendapatan boleh belanja bersih isi rumah termasuk melibatkan subsidi bersasar.

Katanya, sebelum ini setiap kali berbincang mengenai bantuan, klasifikasi ekonomi hanya tertumpu kepada klasifikasi B40, M40, dan T20.

Semalam media melaporkan bahawa data PADU akan diguna pakai untuk pelaksanaan subsidi bersasar petrol RON 95 dan diesel pada tahun 2024.

Jelas Salahuddin, PADU akan meneliti semua data sedia ada bagi membolehkan subsidi bersasar berkenaan diberikan kepada sasaran yang tepat.

"Penelitian semula semua data bagi menyiapkan PADU itu dilaksanakan selepas dipersetujui Mesyuarat MTEN minggu lalu," katanya.